

## SEJARAH PERANTAU MASYARAKAT JAWA DI KEDAH

### *HISTORY OF JAVANESE MIGRATION IN KEDAH*

Haslinda Hj. Hasan<sup>1\*</sup>  
Sharifah Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah Pusat di Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia (Email: haslynda@uum.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia (Email: sharifah@uum.edu.my)

#### Article history

**Received date** : 5-12-2020  
**Revised date** : 6-12-2020  
**Accepted date** : 12-8-2021  
**Published date** : 26-9-2021

#### To cite this document:

Hasan, H., & Ismail, S. (2021). Sejarah Perantau Masyarakat Jawa di Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 221-228.

**Abstrak:** *Kajian terhadap perantau Melayu dan diaspora pelbagai suku akan membuka jumpaan-jumpaan terhadap suku Jawa, Aceh, Banjar, Minang, Bugis dan seumpamanya. Orang Indonesia tidak menganggap penghijrahan atau perantauan mereka di daerah-daerah di Nusantara ini sebagai tempat yang asing bagi mereka kerana masyarakat Jawa khususnya mempunyai asas persamaan yang begitu banyak dalam aspek politik, sosial, ekonomi, asal-usul, bangsa dan agama. Malah, kajian mengenai sejarah kedatangan orang Jawa ke Tanah Melayu juga bukanlah satu fenomena yang baru, kerana ia lebih merupakan lanjutan daripada proses penghijrahan yang telah berlaku sejak zaman dahulu lagi. Kajian mengenai masyarakat Jawa ini mula mendapat perhatian apabila berlaku penghijrahan besar-besaran pada abad ke-18 dan ke-19 sehinggalah sekarang. Artikel ini mengkaji sejarah kedatangan perantau masyarakat Jawa ke Malaysia khususnya di negeri Kedah. Kewujudan penempatan masyarakat Jawa ini dikenali berdasarkan nama penempatan iaitu terdapat perkataan Jawa pada nama sesebuah perkampungan dan temubual yang dilaksanakan. Misalnya Kampung Jawa Alor Setar, Kampung Jawa Kota Sarang Semut, Kampung Jawa Yan, Kampung Jawa Kuala Ketil dan Kampung Jawa Sungai Petani. Kedatangan mereka membuka penempatan dan berkembang luas suku Jawa membawa kepada peningkatan taraf hidup dan kepelbagaian budaya di negeri Kedah. Fokus kajian ini untuk mengkaji sumbangan yang besar orang berketurunan Jawa dalam mengukir sejarah kampung yang wujud bermula sejak Perang Dunia Kedua di daerah Baling Kedah. Kajian di daerah Baling dilakukan kerana terdapat penempatan dan diaspora masyarakat Jawa yang kukuh.*

**Kata Kunci:** *perantau, migrasi, Jawa, Baling, Kedah*

**Abstract:** *The study of Malay immigrants and various ethnic diaspora will lead to the discoveries of Javanese, Acehnese, Banjar, Minang, Buginese, and the like. Indonesians do not consider their migration or nomadism in the areas in this archipelago as a foreign place for them because the Javanese community, in particular, has so many similarities in terms of political, social, economic, origin, race, and religion. Research on the history of Javanese's arrival to Malaya is also not a new phenomenon, as it is a continuation of the process of migration that has occurred since time immemorial. The study of Javanese society began to*

*receive attention when there was a massive migration in the 18th and 19th centuries until now. This article examines the history of the arrival of Javanese immigrants to Malaysia, especially in the state of Kedah. The existence of this Javanese settlement was identified based on the name of the settlement, that is, there is a Javanese word in the name of a village where the interviews were conducted. For example, 'Kampung Jawa Alor Setar', 'Kampung Jawa Kota Sarang Semut', 'Kampung Jawa Yan', 'Kampung Jawa Kuala Ketil' and 'Kampung Jawa Sungai Petani'. Their arrival has opened up settlements and expanded the Javanese ethnic led to an increase in living standards and cultural diversity in the state of Kedah. The focus of this study is to examine the great contribution of people of Javanese descent in making the history of the village that has existed since the Second World War in the district of Baling Kedah. The study in Baling district has been conducted because there is a settlement and strong diaspora of the Javanese community.*

**Keywords:** *Immigrant, Migration, Java, Baling, Kedah.*

## **Pengenalan**

Migrasi merujuk pergerakan penduduk daripada satu kawasan ke satu kawasan yang lain, sama ada melibatkan jarak kawasan yang dekat atau jauh dan berlaku secara individu atau berkumpulan. Pergerakan penduduk pada zaman moden ini diteruskan dalam bentuk sama ada migrasi dalam negara atau melibatkan luar negara. Rumpun bangsa Melayu yang kini mendiami kawasan induk, Malaysia-Indonesia dan gugusan kepulauan Melayu telah melalui proses migrasi sejak zaman kerajaan Champa pada awal abad masihi sehinggalah ke hari ini. Sebahagian besar proses migrasi yang berlaku di Alam Melayu melibatkan suku dari rumpun di kepulauan Melayu itu sendiri, seperti Jawa, Minangkabau, Riau, Mandailing, Aceh<sup>1</sup>, Bugis, Banjar dan Champa (Nor Ermawati Hussain, Norehan Abdullah & Hussin Abdullah, 2015). Misalnya pengkaji mendapati kajian ke atas orang Aceh adalah masyarakat yang berjaya dalam aspek ekonomi terutamanya dalam bidang perniagaan. Apabila mengkaji sesuatu suku Melayu di pelbagai negeri maka akan berjumpa dengan orang berketurunan Jawa, Aceh, Minang, Banjar dan sebagainya. Kejayaan suku Aceh dalam aspek ekonomi di Malaysia amnya membawa erti taraf sosial mereka adalah tinggi.<sup>2</sup> Manakala masyarakat Jawa pula sejak di Tanah Jawa lagi mempunyai kepakaran dalam aspek pertanian. Penghijrahan orang Indonesia ke Tanah Melayu bukanlah hanya berlaku pada akhir-akhir zaman moden ini sahaja tetapi dipercayai telah berlaku sejak ratusan tahun dahulu. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* pula terdapat sedikit penerangan tentang konsep Melayu yang dikatakan berasal daripada bahasa Sanskrit yang membawa maksud menyeberang, ekoran daripada migrasi orang Jawa

<sup>1</sup> Kajian mengenai orang Aceh telah dilaksanakan oleh pengkaji atas pembiayaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu bertajuk *Indeks Pencapaian Komuniti Migrasi Malaysia : Profail dan Pengkategorian Komuniti Aceh Malaysia Bagi Keperluan Sektor Sosial dan Ekonomi*, geran FRGS/1/2015/SSI05/UUM/03/1, kod S/O 13230, penghargaan ditujukan kepada pihak kerajaan Malaysia yang meluluskan geran kajian ini (*The Ministry of Higher Education (MoHE), Malaysia for awarding me with the Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) to carry out this research project*). Impak kajian kepada pihak kerajaan ialah dapat menggubal satu dasar yang komprehen mengenai kepelbagaian masyarakat perantau yang terdapat di negara kita termasuklah orang berketurunan Jawa. Kesemua perantau ini mempunyai solidariti yang tinggi iaitu tahu sejarah suku mereka dan sayang kepada keturunannya.

<sup>2</sup> Kajian bagi geran FRGS yang dibiayai oleh KPT iaitu *Indeks Pencapaian Komuniti Migrasi Malaysia : Profail dan Pengkategorian Komuniti Aceh Malaysia Bagi Keperluan Sektor Sosial dan Ekonomi*, geran FRGS/1/2015/SSI05/UUM/03/1, kod S/O 13230. Pengkaji pernah diberitahu terdapatnya orang berketurunan Aceh di Pulau Perhentian namun apabila kajian dilaksanakan melalui temubual dan bancian ternyata tempat tersebut mempunyai sejarah kedatangan orang Bugis dan bukannya Aceh.

ke kawasan Nusantara (Muhammad Hassan Dato Kerani Muhammad Arshad, 1969). Malah *Sejarah Melayu* telah merakamkan hubungan Melaka dengan Majapahit yang merupakan salah satu kerajaan yang pernah menguasai kepulauan Jawa. Semasa zaman Barbosa di Melaka, orang Jawa dikatakan menguasai perkapalan di antara Melaka dan kepulauan-kepulauan Melayu termasuklah di Pulau-Pulau Rempah (Khazin Mohd. Tamrin, 1984).

Pada abad ke-16 hingga ke-17, peranan orang Jawa dalam aktiviti perdagangan telah diakui oleh beberapa pengembara Barat dan pentadbir Portugis (Khazin Mohd. Tamrin, 1984). Hal ini sangat berkait rapat dengan bidang pelayaran. Orang Jawa dikatakan pakar dalam bidang perdagangan dan perkapalan. Mereka mahir dalam pertukangan kayu, besi dan membuat kapal (J. Crawford, 1971). Menurut Khazin terdapat juga beberapa sumber catatan sejarah dari China yang menyatakan bahawa orang Jawa pernah sampai ke Tanah Besar China, Madagaskar dan pelabuhan-pelabuhan di Afrika Timur.

Permasalahan kajian ialah jika pengkaji mengkaji tentang sesuatu kampung maka akan ditemui orang berketurunan Jawa, Aceh, Bugis dan sebagainya. Namun jika dibuat bancian barulah dijumpai suku yang betul-betul menepati objektif kajian misalnya orang berketurunan Jawa. Masalah utama ialah kajian mengenai orang Jawa di Kedah sangat kurang diberi penekanan berbanding di Selangor. Malah tidak semua orang di negeri Kedah sendiri yang tahu kewujudan masyarakat ini terdapat dalam sebuah kampung di daerah Baling. Mereka mengamalkan adat dan budaya Jawa, bertutur Bahasa Jawa, makanan dan minuman serta adat perkahwinan juga secara budaya Jawa. Malah rakan pengkaji juga mempunyai adiknya yang berkahwin dengan orang Jawa di Kampung Kuala Merah dalam daerah Baling. Kajian ini membuka lembaran baru melalui batasan kajian hanya di kampung berkenaan sahaja namun sehingga kini hasil daripada temubual mendapati jumlah masyarakat di kampung tersebut semakin bertambah. Mereka yang berketurunan Jawa juga terdapat di kawasan lain di Kedah namun ia sangat sedikit dan bukannya mempunyai solidariti dan diaspora seperti di daerah Baling.

### **Orang Jawa Sebagai Perantau**

Kajian tentang orang Jawa di Kedah ini menggunakan kaedah kualitatif dan temubual dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Kuala Merah iaitu daerah Baling di negeri Kedah. Pengkaji mengambil masa untuk membanci dan memahami susur galur sejarah pembukaan kampung dan taburan keturunan mereka. Masyarakat Jawa telah melalui sejarah penghijrahan yang begitu panjang dalam membina identiti bangsa mereka di Malaysia pada hari ini. Sejarah kedatangan orang Jawa ke negara ini, abad ke-19 dan ke-20 dilihat sebagai tempoh pesatnya orang Jawa berhijrah dari Pulau Jawa ke sini, termasuk juga dengan suku-suku lain dari Indonesia, iaitu orang Minang, Rawa, Kampar, Mandailing, Telu, Aceh, Bugis, Boyan, Sunda dan beberapa yang lain. Kedatangan tenaga kerja Indonesia (TKI) ke negara ini secara besar-besaran sebagai fenomena pada penghujung abad ke-20 dan awal abad ke-21 hanya lanjutan daripada perantauan yang telah berlaku sejak ratusan tahun lalu. Malah dipercayai bahawa hubungan antara orang Jawa dengan Semenanjung Tanah Melayu telah berlangsung sejak berabad yang silam kerana *Sejarah Melayu* ada merakamkan hubungan Melaka dengan Majapahit dan Hang Tuah pula diriwayatkan pernah berguru dengan *gum Jawa* di Melaka (<https://fliphtml5.com/flqg/qvok/basic>, akses 23 November 2020). Fenomena lain yang menandai penghijrahan orang Jawa ialah “minggat” yang bererti lari meninggalkan sesuatu tempat (dalam kes ini tempat asalnya) disebabkan oleh sesuatu peristiwa yang tidak

menyenangkan, misalnya kahwin paksa atau berasa aib sesudah mengalami sesuatu yang memalukan dalam masyarakat (Khazin Mohd. Tamrin, 1984 dan Norah Mohamed, 2005).

Jika dikaji mengenai penghijrahan dalam kalangan suku bangsa di Tanah Melayu, terdapat satu istilah yang selalu digunakan oleh para pengkaji dalam memahami masyarakat mengenai penghijrahan mereka ini iaitu “merantau”. Merantau juga bermaksud berjalan, belayar atau mengembara ke tempat lain untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Penghijrahan masyarakat Jawa diistilahkan sebagai “*boyong*” atau “*merantau*” dalam erti kata lain pergi ke tempat lain yang dirasakan lebih serasi dan sesuai untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Hal ini sangat berkait rapat dengan bidang pelayaran. Orang Jawa dikatakan pakar dalam bidang perdagangan dan perkapalan. Mereka mahir dalam pertukangan kayu, besi dan membuat kapal (J.Crawford, 1971). Istilah “*boyongan*” turut terkenal dalam menggambarkan penghijrahan masyarakat Jawa di Malaysia. kebiasaannya boyongan melibatkan proses penghijrahan suatu keluarga. Misal seperti di Selangor, proses boyongan ini akan berlaku setelah seseorang yang sudah berhijrah di Tanah Melayu, mendapat tanah dan kehidupan yang terjamin. Mereka ini pulang ke Tanah Besar Jawa lalu membawa bersama mereka ahli keluarga masing-masing untuk tinggal di Tanah Melayu (Khazin, 1984). Manakala masyarakat Jawa yang ada di Malaysia pada hari ini merupakan keturunan daripada masyarakat Jawa yang sudah datang terlebih dahulu, dimana mereka inilah yang berjuang mencari penempatan yang selesa untuk ahli keluarga dan anak cucu yang datang kemudiannya. Namun Mangalam telah menekankan yang migrasi secara relatif ialah perpindahan dari sebuah lokasi geografi yang satu kepada yang lain iaitu menerusi ungkapannya:

*“Migration is a relatively permanent moving away of a collectivity, called migrants, from one geographical location to another, preceded by decision making on the part of the migrants on the basis of a hierarchically ordered set of values or valued ends and resulting in changes in the interactional system of migrants”* (J.J Mangalam, 1968).<sup>3</sup>

Kajian Mokhtar Naim (1971) pula terhadap kedatangan masyarakat Minangkabau ke Alam Melayu dan J. Vrendenbredgt (1964) terhadap masyarakat Boyan daripada Pulau Bawean dengan jelas menggambarkan bahawa istilah merantau tersebut juga sesuai dalam mendefinisikan kedatangan etnik-etnik lain ke Semenanjung Tanah Melayu. Bagi masyarakat Jawa, kegiatan merantau ini dilakukan oleh masyarakat Jawa yang mempunyai latar belakang kehidupan yang agak mewah iaitu membawa maksud mereka pernah mempunyai tanah sawah di Jawa, yang datang daripada keluarga yang lebih berada, misalnya golongan pentadbir peringkat kampung (Khazin Mohd. Tamrin, 1984).

Sehingga di abad ke-21 ini pun, kedatangan orang Indonesia ke Malaysia hampir satu million. Hal ini disebabkan faktor peluang pekerjaan yang ada di Malaysia membuka peluang orang luar untuk berkongsi punca rezeki yang kemudiannya menyumbang kepada taraf ekonomi, politik dan sosial Negara Malaysia. Selain itu, terdapat juga faktor pemangkin lain yang menjadi faktor pendorong dalam membawa kepada penghijrahan masyarakat Jawa ke Tanah Melayu. Kebanyakan etnik Jawa yang berhijrah pada peringkat awal ini telah memilih Johor sebagai kawasan tumpuan utama didalam penghijrahan mereka. Namun begitu, negeri lain

<sup>3</sup> J.J Mangalam, 1968, *Human Migration, A Guide to Migration Literature In English 1955-1962*, Lexington, University of Kentucky Press, hlm.8

juga tidak ketinggalan dalam menerima proses migrasi masyarakat Jawa umpamanya Selangor dan Kedah. Kewujudan penempatan masyarakat Jawa ini dikenalpasti berdasarkan nama penempatan iaitu terdapat perkataan Jawa pada nama perkampungan itu sendiri. Misalnya Kampung Jawa Alor Setar, Kampung Jawa Kota Sarang Semut, Kampung Jawa Yan, Kampung Jawa Kuala Ketil dan Kampung Jawa sungai Petani.

### Orang Jawa Di Kedah

Di Kedah kemasukan orang Jawa merupakan salah satu impak kezaliman penjajahan Jepun semasa Perang Dunia Kedua apabila rakyat Jawa dipaksa menjadi buruh dalam pembinaan jalan keretapi maut di Burma. Temubual dengan penduduk kampung berketurunan Jawa juga mengesahkan yang datuk nenek mereka berjaya melarikan diri dari kem pelarian dan dihantar menjadi buruh paksa di Thailand. Cikgu Abdul Talib Haji Sulaiman ditemubual pada Oktober 2015 merupakan generasi ketiga orang Jawa di daerah Baling Kedah. Beliau pada masa itu mengajar di Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu, Jitra, Kedah. Beliau ialah adik kepada Yahya bin Sulaiman yang masih menghuni Kampung Jawa di daerah Baling sehingga ke hari ini. Hampir 300,000 pekerja dilaporkan terlibat membina landasan kereta api maut antara Thailand dengan Burma (kini Myanmar) sejauh 415 kilometer ketika Perang Dunia Kedua. Kira-kira 60,000 pekerja yang terdiri dari tahanan perang British, Australia, Amerika Syarikat, New Zealand, Belanda dan selebihnya merupakan buruh paksa dari India, China dan Tanah Melayu. Sepanjang tiga tahun pembinaan jambatan dan landasan tersebut, seramai 16,000 tawanan perang dilaporkan maut manakala lebih 100,000 buruh dari ketiga-tiga negara Asia dilaporkan meninggal dunia atau hilang. Dasar Jepun ini kemudian telah dikecam banyak pihak. Dianggarkan dari 1942 hingga 1946, seramai 72,000 rakyat negara ini dikerah tenaga mereka dan dilayan dengan penuh kekejaman untuk menjayakan impian besar negara matahari terbit meluaskan empayarnya. ([http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20120901/ke\\_02/Cerita-sengsara-landasan-maut](http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20120901/ke_02/Cerita-sengsara-landasan-maut), diakses 1 September 2012).


Impaknya ramai dalam kalangan orang Jawa telah dibawa ke utara iaitu dari Kedah terus ke Thailand dan Burma. Kebanyakan dari mereka yang berjaya melarikan diri dari pembinaan landasan tersebut telah tinggal menetap di Kedah. Daerah yang ditujui mereka ialah di Baling iaitu Mukim Tawar pada hari ini. Unikunya di Kampung Jawa masyarakatnya masih bertutur dalam bahasa Jawa dan mengamalkan adat istiadat seperti mana orang Aceh di Yan.

Temubual dengan En. Yahya Sulaiman<sup>4</sup> di Baling merupakan seorang pesara tentera dan mempunyai 17 orang adik-beradik daripada seorang ibu. Beliau menceritakan kesemua adik-beradiknya berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke universiti kecuali dirinya. Isteri beliau ialah puan Mahani Sailon iaitu generasi ketiga orang Jawa di Kedah. Pada bulan Mac 2013 beliau menyatakan, penempatan awal masyarakat Jawa bermula di Baling iaitu tempat yang digelar *Javanes Estate* kemudian berpindah ke Batu 4, Jalan Kuala Ketil. Bapa beliau ialah Sulaiman bin Saipin dan pernah dianugerahi Tokoh Maal Hijrah hasil daripada kejayaan

<sup>4</sup> Temubual dilaksanakan pada bulan Mac 2013 di rumah beliau di Kampung Kuala Merah. Temubual juga dilaksanakan dengan isteri beliau iaitu Puan Mahani binti Sailon. Mereka mempunyai ramai saudara-mara yang berasal daripada perkampungan orang Jawa di sekitar Klang Selangor. Kebanyakan bancian ini dilaksanakan hanya dalam 10 keluarga sahaja. Keluarga ini pula mempunyai jurai anak cucu yang ramai. Hasilnya setiap kali perayaan hari raya Aidilfitri dan Aidiladha setiap keluarga menyembelih seekor lembu atau lebih seperti yang dimaklumkan oleh Encik Yahya Sulaiman untuk meraikan saudara-mara yang ramai berkunjung. Rujuk juga Haslinda Hasan, *Peranan dan Sumbangan Masyarakat Aceh di Kedah Dari Tahun 1900-2000*, Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia, 2017, halaman 146-151.

merubah taraf ekonomi dan menjadi contoh kepada masyarakat setempat. Manakala isterinya pula iaitu Esah binti Din pula dianugerahi Tokoh Ibu Mithali yang ke 9 oleh Raja Permaisuri Agong Tunku Nur Zahirah pada 21.11.2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan generasi kedua yang masuk dan menetap di Kedah. Mereka mengusahakan kegiatan ekonomi seperti penanaman tebu, ubi, padi huma, manisan (gula merah), memugar tanah dan ternakan binatang. Hasil dari usaha dan kepentingan masa depan mereka berjaya mendidik kesemua anak-anak menjadi manusia berilmu.

Kini terdapat lebih 170<sup>5</sup> orang keluarga yang berketurunan Jawa dalam kampung tersebut dan komuniti ini semakin bertambah ramai dari setahun ke setahun. Mereka juga antara masyarakat yang kaya kerana rajin berusaha untuk meningkatkan taraf hidup dan membuka tanah pertanian. Hasilnya ramai dalam kalangan mereka yang memiliki banyak tanah di Daerah Baling dan berjaya mendidik anak-anak dengan jayanya. Masyarakat Jawa lebih terbuka jika hendak dibandingkan dengan orang Aceh dalam aspek perkahwinan sewaktu mula-mula tinggal di sini. Namun kini mereka masih lagi mengekalkan adat budaya dan bahasa Jawa sehingga berjaya merapatkan hubungan dengan masyarakat Jawa di Selangor dan negeri yang lain. Hasil temubual mendapati masyarakat Jawa di sini sering mengadakan lawatan sambil belajar dan bertukar-tukar ilmu pengetahuan sesama mereka misalnya dalam aspek kesihatan. Gambar di sebelah adalah peta kedudukan kampung orang Jawa di negeri Kedah iaitu Kampung Kuala Merah:



Peta 3.1: Penempatan orang Jawa di Kedah iaitu lokasi Kampung Kuala Merah (koleksi peribadi pengkaji hasil daripada temubual dengan penduduk kampung)<sup>6</sup>

<sup>5</sup> Temubual yang dilaksanakan dengan Encik Yahya Sulaiman pada 2013 dan kini jumlah tersebut semakin bertambah.

<sup>6</sup> Haslinda Hasan, *Peranan dan Sumbangan Masyarakat Aceh di Kedah Dari Tahun 1900-2000*, Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia, 2017, halaman 149.

Keluasan kampung ini adalah dua batu persegi dengan 127 orang keluarga yang semakin berkembang iaitu melibatkan lebih dari 750 orang penduduk berketurunan Jawa. Jumlah masyarakat di sini semakin bertambah setiap tahun jika hendak dibandingkan dengan Kampung Aceh. Pekan yang terdekat ialah Kuala Ketil iaitu sejauh tujuh kilometer dari kampung terbabit. Selanjutnya untuk lebih jelas kedudukan kampung ini di daerah Baling iaitu dalam Mukim Tawar. Kedudukan kampung tersebut sempadan di Utara ialah Kampung Padang Pulai, sempadan Timur dengan Kampung Tiban, sempadan Barat dengan Kampung Padang Geh dan sempadan Selatan dengan Kampung Batu Lima.

Aktiviti kemasyarakatan orang Jawa sangat aktif. Misalnya masyarakat Jawa di sini mengadakan lawatan sambil belajar dan berkongsi pengalaman melalui program Intervensi NCDP1M (Program Bersepadu Memperkasakan Komuniti) yang dirasmikan oleh pegawai kesihatan Daerah Baling iaitu Dr. Hajjah Delima Kalsom. Pada 12 Jun 2011 pula NCDP1M Kampung Seri Tiram Jaya, Tanjong Karang Selangor telah melawat kampung mereka. Penduduk Kampung Kuala Merah masih mengekalkan identiti masyarakat Jawa iaitu berkebolehan berbahasa Jawa, mengamalkan adat dan budaya mereka. Kebanyakan dari mereka yang menetap di situ memiliki kebun, mengusahakan penanaman kelapa sawit dan getah selain dari penternakan binatang. Komuniti mereka semakin ramai jika hendak dibandingkan dengan orang Aceh di Yan yang semakin susut akibat dari merantau mencari rezeki ke kota, melanjutkan pengajian yang membawa perpindahan untuk membina kerjaya baru dan berkahwin dengan orang luar.

Fenomena perantau Jawa dari luar yang berlaku akibat faktor penarik yang ada di bumi Kedah mahupun akibat faktor penolak dari negara asal masing-masing yang bertanggungjawab mencernakan perubahan yang berkekalan sehingga ke hari ini (Azmah Abdul Manaf, 20010). Sejak sebelum abad ke-19 penduduk negeri-negeri di Nusantara menjadikan Tanah Melayu sebagai destinasi utama penghijrahan imigran terutama dari Indonesia sama ada golongan profesional atau tidak. Penghijrahan sentiasa berlaku antara Tanah Melayu dengan Sumatera, Sumatera dengan Jawa, Jawa dengan Tanah Melayu dan Borneo dengan Tanah Melayu.

### **Kesimpulan**

Negeri Kedah menjadi tumpuan ramai perantau Melayu untuk tinggal dan menetap di sini. Demikianlah perantau Jawa yang datang daripada seluruh pelusuk Nusantara yang telah menetap dan menikmati kejayaan dalam hijrahnya ke Kedah. Jika hendak dihitung ramai lagi suku Melayu seperti Kemboja dan yang peranakan terdapat di Kedah termasuklah yang berketurunan Arab dan India. Misalnya masyarakat Aceh di Kampung Aceh Yan, Kedah, masyarakat Jawa di daerah Baling Kedah, masyarakat Banjar di Alor Setar, Kampung Kebun 500 bagi masyarakat Minang di Jalan Langgar Alor Setar, masyarakat Pattani yang berkahwin dengan masyarakat tempatan berketurunan Melayu hasil daripada merantau untuk penanaman padi, masyarakat Kemboja dan sebagainya.

Profil komuniti Jawa juga dapat membantu kerajaan terutama dalam sudut bancian penduduk dan negara untuk mengenalpasti kejayaan dan sumbangan mereka dalam pelbagai lapangan. Hasil tinjauan penulis mendapati semangat kedaerahan golongan perantau ini memang kental dan mereka berbangga dengan keturunannya. Malah setiap suku mempunyai keunikan adat dan budaya masing-masing daripada segi makanan, sambutan perayaan, adat perkahwinan, bahasa dan seumpamanya. Natijah daripada perkara ini menyebabkan negeri Kedah mempunyai sejarah pelbagai sub-budaya Melayu.

## Rujukan

- Azmah Abdul Manaf, (2001), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Haslinda Hasan (2017), *Peranan dan Sumbangan Masyarakat Aceh di Kedah Dari Tahun 1900-2000*, Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia.
- J. Crawford, (1971), *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries*, OUP, Kuala Lumpur.
- J.J Mangalam, 1968, *Human Migration, A Guide to Migration Literature In English 1955-1962*, Lexington, University of Kentucky Press
- Khazin Mohd. Tamrin, (1984), *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hassan Dato Kerani Muhammad Arshad, 1969, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nor Ermawati Hussain, Norehan Abdullah & Hussin Abdullah, *Hubungan Migrasi Dalaman dengan Faktor-Faktor Penarik: Kajian Kes di Malaysia (The Relationship between Internal Migration and its Migration Factors: Case Study in Malaysia)*, Jurnal Ekonomi Malaysia 49 (2), Universiti Utara Malaysia, (2015), -133. dari laman web [http://www.ukm.my/fep/jem/pdf/2015-49\(2\)/jeko\\_49\(2\)-10.pdf](http://www.ukm.my/fep/jem/pdf/2015-49(2)/jeko_49(2)-10.pdf)
- Noriah Mohamed, (2005), *Jawa di Balik Tabir*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- T. Iskandar, (1970), Kamus Dewan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur.  
[http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20120901/ke\\_02/Cerita-sengsara-landasan-maut](http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20120901/ke_02/Cerita-sengsara-landasan-maut), diakses 1 September 2012